



KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) DAN GARIS PANDUAN

KEBENARAN BEROPERASI SERTA PERGERAKAN PEKERJA BAGI PROJEK PEMBINAAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DI NEGERI KELANTAN DARULNAIM

1. TUJUAN

- 1.1. Prosedur Operasi Standard atau *Standard Operating Procedure* (SOP) ini disediakan bagi memberi kebenaran beroperasi dan bergerak bagi pekerja projek pembinaan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan di Negeri Kelantan Darulnaim.

2. PENGENALAN

- 2.1. Perintah Kawalan Pergerakan telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia bermula pada 18 Mac 2020 bagi membendung dan memutuskan rangkaian COVID-19 yang telah diktiraf sebagaipandemikpada masa kini.
- 2.2. Pelaksanaan perintah ini telah masuk ke fasa keempat dengan berkuat kuasanya **Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No.4) 2020** yang berkuat kuasa bagi tempoh **29 April 2020 hingga 12 Mei 2020**.

- 2.3. Dengan berkuatkuasanya Peraturan ini, semua orang adalah tidak boleh bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain dalam mana-mana kawasan tempatan jangkitan atau dari satu kawasan tempatan jangkitan ke suatu kawasan tempatan jangkitan yang lain kecuali bagi maksud antaranya adalah untuk menyediakan apa-apa perkhidmatan perlu atau melaksanakan apa-apa tugas berhubung dengan apa-apa perkhidmatan perlu.
- 2.4. Senarai perkhidmatan perlu telah dinyatakan di dalam Jadual kepada Peraturan 2 Peraturan tersebut, yang antara lainnya adalah termasuk apa-apa perkhidmatan, kerja atau industri sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri Kesihatan selepas berunding dengan pihak berkuasa yang mengawal selia perkhidmatan, kerja atau industri itu.
- 2.5. Ekoran daripada ini, bagi sektor industri kerja-kerja pembinaan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah menyediakan perincian sektor tambahan yang dibenarkan beroperasi dan membuka ruang kepada mana-mana syarikat dalam sektor ini untuk memohon kelulusan beroperasi kepada MITI melalui laman sesawang mereka.
- 2.6. Pihak syarikat di dalam sektor pembinaan yang dibenarkan beroperasi WAJIB mematuhi syarat-syarat SOP yang ditetapkan tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan garis panduan oleh **lain-lain agensi penguatkuasaan** yang berkaitan dari semasa ke semasa. Kegagalan syarikat untuk berbuat demikian boleh mengakibatkan kebenaran beroperasi dibatalkan serta merta dan berdepan dengan tindakan undang-undang mengikut Akta semasa.

- 2.7. Kontraktor dalam mematuhi SOP ini perlu mengambiki kira SOP lain yang dikeluarkan oleh Kementerian atau Agensi lain yang bertanggungjawab dalam rantai bekalan (*Supply chain*) industri pembinaan. Rantai bekalan ini meliputi pengeluar bahan, pengedar bahan binaan, pengusaha kuari serta pembekal jentera dan peralatan termasuklah perkhidmatan logistik.
- 2.8. Kerja pembinaan boleh dihentikan serta merta dan tindakan termasuk tindakan tatatertib boleh diambil terhadap kontraktor sekiranya kontraktor gagal mematuhi SOP yang ditetapkan.

3. TAFSIRAN

- 3.1. "Kontraktor Gred G1& G2" adalah kontraktor yang berdaftar dengan CIDB mengikut syarat-syarat pendaftaran kontraktor tempatan berdasarkan peraturan dan Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (*Akta 520*)
- 3.2. "Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana" adalah jawatan yang diwujudkan di bawah Dokumen No. 20 Majlis Keselamatan Negara
- 3.3. "Perkhidmatan perlu " adalah perkhidmatan yang dinyatakan di Jadual kepada Peraturan 2 **Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No.4) 2020** yang berkuat kuasa bagi tempoh **29 April 2020 hingga 12 Mei 2020 atau mana-mana peraturan yang seumpama ini yang berkuat kuasa selepas daripada tarikh ini.**
- 3.4. "*Personal Protective Equipments (PPE)*" bagi maksud SOP ini adalah alat-alat yang disahkan oleh Kementerian Kesihatan

Malaysia sebagai keperluan penting untuk melindungi diri semasa memasuki satu-satu kawasan yang dilanda wabak penyakit.

- 3.5. "Zon Merah" bagi maksud SOP ini adalah daerah penggawa yang disahkan oleh Jabatan Kesihatan Kelantan terdapat seramai 40 orang atau lebih kes aktif Covid-19 dalam masa 14 hari.
- 3.6. "Zon Jingga" bagi maksud SOP ini adalah daerah penggawa yang disahkan oleh Jabatan Kesihatan Kelantan terdapat seramai 21 - 39 orang kes aktif Covid-19 dalam masa 14 hari.
- 3.7. "Zon Kuning" bagi maksud SOP ini adalah daerah penggawa yang disahkan oleh Jabatan Kesihatan Kelantan terdapat seramai 1 - 20 orang kes aktif Covid-19 dalam masa 14 hari.
- 3.8. "Zon Hijau" bagi maksud SOP ini adalah daerah penggawa yang disahkan oleh Jabatan Kesihatan Kelantan tidak terdapat kes aktif Covid-19 dalam masa 14 hari.

4. JENIS PROJEK YANG DIBENARKAN

- 4.1. Projek-projek pembinaan dan perkhidmatan berkaitan pembinaan sebagaimana berikut adalah dibenarkan beroperasi di Negeri Kelantan sekiranya kontraktor telah mendapat **Surat Kebenaran Beroperasi serta Pergerakan Pekerja dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan** daripada **MITI** tertakluk kepada syarat-syarat di perenggan 5 dan perenggan 6 :-

4.1.1. Projek di mana Kontraktor G1-G2 sebagai kontraktor utama ;

- 4.1.2. Projek yang telah disahkan mencapai kemajuan fizikal 90% ke atas ;
- 4.1.3. Kerja-kerja terowong ;
- 4.1.4. Kerja-kerja penyelenggaraan dan operasi ;
- 4.1.5. Kerja-kerja cerun ;
- 4.1.6. Kerja-kerja Jambatan dan *Viaduct* ;
- 4.1.7. Kerja-kerja penyiasatan tanah ;
- 4.1.8. Projek bangunan dengan 70 IBS score ke atas ;
- 4.1.9. Projek pembinaan dengan fasiliti/ kemudahan tempat tinggal untuk pekerja seperti Kwarters Pekerja Berpusat atau kem pekerja ;
- 4.1.10. Kerja-kerja kecemasan yang termaktub dalam perjanjian kontrak ;
- 4.1.11. Kerja-kerja penyelenggaraan, pembersihan dan pengeringan air bertakung, penyemburan racun serangga di tapak bina bagi mengelakkan pembiakan nyamuk Aedes dan lain-lain haiwan perosak ;
- 4.1.12. Kerja-kerja lain yang jika tidak disempurnakan boleh mendatangkan bahaya ;

5. SYARAT-SYARAT UMUM

- 5.1. Dalam masa Perintah Kawalan Pergerakan ini, kegiatan ekonomi rakyat perlu diteruskan tetapi hendaklah dikawal supaya Covid-

19 dapat dibendung. Syarat umum yang perlu dilaksanakan adalah meliputi :

- 5.1.1. Memastikan hanya mereka yang sihat sahaja yang dibenarkan bergerak untuk melaksanakan perkhidmatan perlu
- 5.1.2. Menghadkan bilangan orang ramai berkumpul di satu-satu tempat
- 5.1.3. Berada pada jarak sekurang-kurangnya 1 meter antara satu sama lain
- 5.1.4. Sentiasa menggunakan *personal protective equipment* atau PPE seperti *hand sanitizer* dan topeng muka apabila perlu
- 5.2. Kontraktor hendaklah mematuhi semua SOP Am yang dikeluarkan oleh MITI.
- 5.3. Kontraktor hendaklah mematuhi semua SOP yang telah dikeluarkan oleh pihak Kementerian Kerja Raya / Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) iaitu :-
 - 5.3.1. Prosedur dan Operasi Standard Am dan Garis Panduan Am Kebenaran Beroperasi Serta Pergerakan Pekerja Bagi Projek Pembinaan Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (Dokumen 1)2020,
 - 5.3.2. Garis Panduan Amalan Langkah Pencegahan Covid-19 di Tapak Bina (Dokumen 2),
 - 5.3.3. Garis Panduan Operasi *Centralised Labour Quarters (CLQ)* 2020 dan Penginapan Pekerja Binaan Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (Dokumen 3) 2020.

6. SYARAT-SYARAT KHUSUS NEGERI KELANTAN

6.1. Selain daripada mematuhi syarat-syarat am, kontraktor juga hendaklah mematuhi syarat-syarat khusus seperti berikut, iaitu :-

6.1.1. Hanya projek atau tapak projek di daerah Zon Hijau dan Kuning sahaja yang dibenarkan untuk beroperasi. Manakala bagi kawasan daerah Zon Merah dan Zon Jingga kerja-kerja ini tidak boleh sama sekali dilaksanakan.

6.1.2. Hanya 50% sahaja daripada bilangan pekerja dibenarkan bekerja.

6.1.3. Jika sekiranya pergerakan pekerja menggunakan kenderaan, had maksima bagi sesebuah kereta adalah 4 orang sahaja dan seorang sahaja bagi penggunaan motorsikal.

6.1.4. Waktu operasi yang dibenarkan adalah dari jam 8:00 pagi sehingga 5:30 petang, 5 hari seminggu iaitu Ahad hingga Khamis dan tiada kerja lebih masa dibenarkan. Namun begitu untuk kerja kecemasan dan luarjangka kontraktor hendaklah mematuhi mana-mana peraturan dibawah Akta 342 yang berkuatkuasa.

7. PERMOHONAN

7.1. Permohonan bagi kebenaran beroperasi di tapak bina hanya boleh dibuat oleh kontraktor kepada MITI sahaja. Sekiranya diluluskan MITI akan mengeluarkan **Surat Kebenaran Beroperasi serta Pergerakan Pekerja dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.**

- 7.2 Operasi yang akan dilaksanakan hendaklah dimaklumkan secara bertulis mengenai kelulusan MITI ini kepada Setiausaha Kerajaan Kelantan selaku **Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Kelantan**, Ketua Jajahan selaku **Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Jajahan** yang berkaitan dan **Ketua Polis Daerah** yang berkaitan. Semua pemakluman ini hendaklah disalinkan kepada pihak CIDB Negeri Kelantan.
- 7.2. Alamat Setiausaha Kerajaan Kelantan adalah sebagaimana berikut iaitu :-

YB Dato' Kaya Setia
Setiausaha Kerajaan Kelantan
Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan
Aras 4, MABNA MBI Blok 8
Kompleks Kota Darulnaim
15503 KOTA BHARU
Fax : 09-7477105

8. PENGUATKUASAAN

- 8.1. Penguatkuasaan akan sentiasa dilakukan oleh kepada perkara-perkara berikut iaitu :-
- 8.2. Penguatkuasaan di tapakbina:
- 8.2.1. Surat pengesahan MITI hendaklah dipamerkan dengan jelas di tapakbina.
- 8.2.2. KKM/CIDB/PDRM/RELA/PBT/JKKP atau mana-mana pegawai yang diberikan kuasa boleh membuat pemeriksaan pada bila-bila masa.

8.2.3. KKM/PDRM/JKKP & CIDB berdasarkan kuasa yang diberikan boleh mengarahkan penutupan tapak bina/premis serta merta sekiranya ada pelanggaran terhadap kebenaran yang diberikan. Mana-mana tapak pembinaan yang telah ditutup oleh agensi selain dari CIDB sendiri, sekiranya gagal mematuhi SOP serta garis panduan yang ditetapkan, akan dimaklumkan kepada CIDB untuk tindakan tatatertib

8.3. Penguatkuasaan di Sekatan Jalan Raya:

8.3.1. Surat pengesahan hadir bekerja yang dikeluarkan oleh majikan perlu sentiasa dibawa oleh pekerja.

8.3.2. Pengangkutan yang digunakan oleh syarikat perlu mempamerkan surat pengesahan beroperasi.

8.4. Penguatkuasaan *Task force* di Peringkat Negeri:

8.4.1. Task Force di peringkat Jajahan akan sentiasa mengadakan rondaan ke tapak-tapak projek ini.

9. TARIKH KUAT KUASA

9.1. SOP ini berkuat kuasa mulai pada **30 April 2020** dan akan berakhir selepas berakhirnya Perintah Kawalan Pergerakan tidak mengira mana-mana fasa tempoh itu.

9.2. SOP ini boleh dipinda dan ditambahbaik dari semasa ke semasa sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.